

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

SEU404 - Ekonomi Pembangunan Antarabangsa

Tarikh: 2 November 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

---

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. "Eksport adalah jentera pertumbuhan". Bincangkan dengan merujuk kepada pengalaman negara-negara membangun.
2. Berasaskan kepada realiti ekonomi, bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi eksport dan import, serta kemukakan fungsi-fungsi mereka yang anda fikirkan munasabah.
3. Dengan andaian bahawa eksport negara A bergantung kepada pendapatan dunia, dan import negara A bergantung kepada perbelanjaannya, buktikan yang pengganda ekonomi tertutup negara A jauh lebih besar daripada pengganda ekonomi terbuka negara A. Nyatakan syarat-syarat kebenarannya, jika ada.
4. Kemukakan, serta jelaskan kepentingan item-item imbalan akaun semasa di dalam imbalan pembayaran Malaysia.

Dengan tindakan-tindakan kerajaan mewujudkan imbalan akaun modal yang positif bagi mengimbangi akaun semasa yang negatif semestinya mendatangkan beberapa kesan kepada ekonomi ini. Bincangkan kesan-kesan tersebut bagi jangka pendek dan jangka panjang.

5. "Satu blok memperjuangkan perdagangan antarabangsa yang lebih bebas, manakala pada masa yang sama, ada pihak yang mempertahankan dasar perlindungan".
  - (a) Komen kenyataan di atas dengan bukti-buktinya.
  - (b) Kenapakah dua blok tersebut mempunyai perjuangan yang berbeza di dalam kebebasan perdagangan antarabangsa?

...2/-

(SEU 404)

6. Berasaskan kepada Model Pertumbuhan Harrod-Domar Mudah;  
 $g = \frac{s}{ntio}$ , di mana  $g$  ialah kadar pertumbuhan,  $s$  ialah nisbah pembentukan modal, dan  $ntio$  ialah nisbah tambahan input-modal; kenalpasti dan jelaskan kedua-dua lompong ekonomi jika kadar pertumbuhan ekonomi yang dimatlamatkan ialah  $g^*$ .

Apakah dan kenapakah tindakan mesti diambil jika salah satu lompong itu lebih besar daripada yang satu lagi?

7. Sejauhmanakah benarnya implikasi-implikasi pinjaman, asing dan pembayaran balik hutang seperti yang diandaikan oleh teori (model) dua lompong itu sesuai dengan negara-negara dunia ketiga hari ini?

8. Sediakan sebuah ringkasan yang menerangkan kepentingan-kepentingan pelaburan asing di negara ini.

Bolehkah aliran masuk sumber yang negatif berlaku di dalam jangka panjang dengan wujudnya pelaburan asing? Terangkan.